

KANDUNGAN

- SEMANGAT '46 PRO ISRAEL? 1
- SOALAN-SOALAN KU LI
PADA KIT SIANG 8
- BUKTI-BUKTI KERJASAMA
DAP DENGAN ISRAEL 12
- PALESTIN DIZALIMI,
DAP MEMBISU 21
- DOSA PALING BESAR 28
- MENOLONG DAP, BERERTI
MEMUSUHI PALESTIN 33
- MAHU ISRAEL
ATAU PALESTIN 37



SEMANGAT '46 PRO ISRAEL?

Bila rakyat Malaysia membuang undi dalam pilihanraya umum akan datang, apa yang akan mereka pilih ialah sama ada mahu sebuah Malaysia yang pro-Israel atau Malaysia yang pro-Palestin.

Inilah sahaja dua pilihan di hadapan mereka, dan inilah isu yang sebenarnya dalam pilihanraya umum nanti. Rakyat mesti bersikap bijak kerana apa jua keputusan yang dibuat kelak mempunyai implikasi yang amat besar dalam mencorakkan negara Malaysia yang akan datang.

Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO sudah nyata atas isu ini. Semenjak zaman Perika-

tan lagi, kerajaan sudah memperlihatkan kegigihan menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk membebaskan diri daripada 'penjajahan' Yahudi dan seterusnya menubuhkan negara mereka sendiri, negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Semenjak Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad memegang tampuk pemerintahan, sudah dua kali pemimpin PLO, Yasser Arafat, mengunjungi tanahair kita sebagai tetamu negara.

Ini menunjukkan betapa *solid*nya sokongan Malaysia, khasnya kerajaan Barisan Nasional, menyokong dan mendukung cita-cita rakyat Palestin. Tetapi apakah sikap dan pendirian yang sama akan diperjuangkan terus seandainya tersurat bukan Barisan Nasional yang memimpin kerajaan nanti? Inilah yang harus dikaji sedalam-dalamnya oleh para pengundi, terutama bangsa Melayu, bila membuang undi dalam pilihanraya umum kelak ataupun dalam sebarang pilihanraya kecil yang mungkin diadakan sebelum berlangsung pilihanraya umum.

Mengapakah saya mengatakan bahawa isu dalam pilihanraya umum nanti ialah antara soal pro-Israel dan pro-Palestin? Kalau Barisan Nasional merupakan tenaga yang pro-Palestin, siapakah pula tenaga yang pro-Israel? Apakah yang dimaksudkan itu Parti PAS? Atau Semangat 46? Atau DAP? Atau ketiga-tiganya sekaligus.

Tentu ada yang mengatakan tidak mungkin PAS akan terlibat dengan satu dasar luar yang pro-Israel. Tentunya ada juga pihak yang mengatakan tidak mungkin Semangat 46 akan menjalankan satu dasar yang pro-Israel

jika berkuasa kelak. Dalam dunia ini tidak ada sesuatu yang tidak mungkin dan tidak ada sesuatu juga yang dikatakan mungkin. Mungkin atau tidak mungkin bergantung kepada waktu dan keadaan.

Lima belas tahun dahulu sewaktu Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan dalam Kerajaan Barisan Nasional, ada orang mengatakan tidak mungkin Tengku Li boleh memuji-muji PAS, apalagi mahu bersekongkol dengan pemimpin-pemimpin PAS. Tetapi pada hari ini Tengku Li tidak kering gusi memuji dan menyanjung pemimpin-pemimpin PAS, insan-insan yang pada suatu masa dulu disindir, dikecam dan dikutuk sewaktu hendak menumbangkan Kerajaan PAS di Kelantan.

Ini menunjukkan sesuatu yang tidak diduga dan dikatakan tidak mungkin lima belas tahun dulu, hari ini menjadi sesuatu yang bukan 'tidak mungkin' lagi. Tidak mungkin boleh menjadi mungkin dan sebaliknya pula apa yang mungkin akan menjadi tidak mungkin. Semuanya bergantung kepada waktu dan keadaan. Berubah keadaan maka berubahlah sikap, berubah waktu akan berubahlah pegangan.

Sepuluh tahun dulu orang mengatakan adalah sesuatu yang mustahil Lim Kit Siang boleh menjadi saudara seperjuangan kepada Tengku Li. Tetapi hari ini Tengku Li dan Lim Kit Siang tidak penat-penat dan tidak bosan-bosan bergambar di khalayak ramai berpegang-pegang tangan ibarat pengantin baru turun pelamin.